

**SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

**NO RUJUKAN SEBUTHARGA: QN / 54 / 2025**

**TAJUK SEBUTHARGA:**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI LOJI  
RAWATAN AIR CHIN CHIN DAN KOLAM AIR BUKIT BAHUDIN  
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**JABATAN / BAHAGIAN / DAERAH : BAHAGIAN FASILITI & LOGISTIK**

**(Perlawaan Sebutharga dikeluarkan oleh)**

BAHAGIAN PEROLEHAN & KONTRAK  
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD,  
LOT 897, TINGKAT 7,  
WISMA AIR,  
JALAN HANG TUAH,  
75300 MELAKA.

- 
1. Sila berikan sebutharga untuk bekalan barang-barang yang disenaraikan dibawah, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
  2. Syarat-syarat sebutharga:
    - a) Pemborong hendaklah melengkapkan jadual kadar harga dan memindahkan harga tersebut ke borang sebutharga.
    - b) Jika berlaku sebarang perselisihan harga di antara jadual kadar harga dan borang sebutharga, maka harga di borang sebutharga akan diambil kira.
    - c) Sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri dengan menandakan "Tajuk dan No. Rujukan Sebutharga : QN/54/2025" di sebelah kiri atas sampul surat tersebut.

- d) Sampul surat yang telah dilakri hendaklah dihantar ke **Bahagian Perolehan & Kontrak, Syarikat Air Melaka Berhad, Lot 897, Tingkat 7, Wisma Air, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka.**
  - e) Sebutharga hendaklah sampai ke Peti Sebutharga sebelum atau pada tarikh **25 SEPTEMBER 2025** jam 12.00 tengahari.
  - f) Mana-mana sebutharga yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan akan ditolak atau dikembalikan semula kepada pemberong.
  - g) Sila lampirkan salinan **KEMENTERIAN KEWANGAN** di bawah **KOD BIDANG 220801 DAN BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)** dan **Mempunyai Pejabat Cawangan di Negeri MELAKA** yang masih sah dan dibenarkan untuk membuat sebutharga buat masa ini.
  - h) Satu Set Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun di laman sesawang Syarikat Air Melaka Berhad ([www.samb.com.my](http://www.samb.com.my)). Pemberong hendaklah mengemukakan bayaran melalui **Pindahan Wang** ke akaun **Bank Islam 04015010075113 (Syarikat Air Melaka Berhad)** sebanyak **RM 100.00**. Wang ini tidak akan dikembalikan.
3. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung terus pihak kami di talian 06-2921747.

## **SENARAI SEMAK PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Petender diwajibkan menghantar dokumen di bawah untuk tujuan penilaian oleh pihak Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Kegagalan pihak tuan/puan menghantar dokumen berikut boleh menyebabkan tawaran tuan/puan tidak akan dipertimbangkan.

Bil	Dokumen	Semakan (Sila Tandakan ✓ Jika Berkaitan)	Semakan Oleh SAMB
	<b><u>PENILAIAN KOMERSIAL / KEWANGAN</u></b>		
1	Salinan bukti pembayaran pembelian dokumen sebutharga	(      )	(      )
2	Keseluruhan Dokumen Asal Sebutharga Dikembalikan	(      )	(      )
3	Harga dan Tempoh Kerja Dicatatkan Dalam Borang Sebutharga	(      )	(      )
4	Borang Sebutharga Ditandatangani oleh Pemilik Syarikat	(      )	(      )
5	Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Lengkap Beserta Maklumat Korporat Bagi Syarikat Enterprise / Salinan Borang 9, Borang 24 dan Borang 49 Bagi Syarikat Sdn Bhd	(      )	(      )
6	Penyata Bank 3 Bulan Yang Terkini / Penyata Kewangan Satu (1) Tahun	(      )	(      )
7	Semua Senarai Kuantiti Dihargakan	(      )	(      )
8	Surat Akuan Pembida Diisi dan Ditandatangani oleh Pemilik Syarikat	(      )	(      )
9	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihahan Dokumen Ditandatangani oleh Pemilik Syarikat	(      )	(      )
	<b><u>PENILAIAN TEKNIKAL</u></b>		
10	Profil Syarikat	(      )	(      )
11	Salinan Sijil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
12	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
13	Salinan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(      )	(      )

14	Salinan Pendaftaran Kementerian Kewangan & Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
15	Salinan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
16	Pengalaman Kerja (sila sertakan surat tawaran)	(      )	(      )
17	Senarai Kenderaan dan Peralatan Kerja	(      )	(      )
18	Senarai Nama Pekerja	(      )	(      )
19	Borang Teknikal (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
20	Katalog Produk (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
21	Jadual Perancangan Kerja Dan Tempoh Siap Kerja Yang Munasabah (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
22	Sijil IKRAM / SIRIM / Akreditasi Makmal (SAMM) yang masih sah (Jika Berkaitan)	(      )	(      )
	Lain-lain sijil yang berkaitan:- .....		

Disediakan oleh Petender

Disemak oleh SAMB:

.....  
Nama:

.....  
Nama:

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Cop Syarikat:

# **SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

## **BORANG SEBUTHARGA**

### **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI LOJI RAWATAN AIR CHIN CHIN DAN KOLAM AIR BUKIT BAHUDDIN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.**

Kepada :

***KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD***

TUAN,

1. Jumlah amaun Sebutharga ini ialah jumlah wang pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

.....  
.....

iaitu, RM.....

2. Bahwasanya adalah diketahui bahawa Syarikat Air Melaka Berhad sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak Sebutharga ini, samada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada sebutharga-sebutharga yang lain atau sama amaunnya.

3. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang sebutharga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebutharga.

4. Tempoh pembayaran bagi kerja/pembekalan/perkhidmatan adalah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh penerimaan tuntutan bayaran diterima.

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20.....

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tandatangan Pemborong

Nama Penuh : .....

Atas Sifat : .....

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....

No. My Kad : .....

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
Materi atau Cop Pemborong

## **SURAT AKUAN PEMBIDA**

### **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI LOJI RAWATAN AIR CHIN CHIN DAN KOLAM AIR BUKIT BAHUDDIN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**No Rujukan Sebutharga : QN/54/2025**

Saya, ..... (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan..... yang mewakili ..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran ..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ..... (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
  - 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
  - 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa
3. Saya sesungguhnya faham bahawa--
  - 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Ata 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
  - 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :.....

Nama :.....

No.K/P :.....

Tarikh :.....

Cap Syarikat :.....

Catatan:

- i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan

Pihak Syarikat :Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.  
Pihak Kerajaan :Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan1949 untuk menandatangani kontrak

## **SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

### **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI LOJI RAWATAN AIR CHIN CHIN DAN KOLAM AIR BUKIT BAHUDDIN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**No Rujukan Sebutharga : QN/54/2025**

Saya, ..... (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan..... yang mewakili ..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran ..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa- apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan;
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam .....(Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
  - 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
  - 2.2. Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
  - 2.3. Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa--
  - 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712) atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :.....

Nama :.....

No.KP :.....

Tarikh :.....

Cap Syarikat :.....

Catatan:

- i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

**KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN  
PEROLEHAN SAMB**

**"Penamatan mengenai rasuah, aktiviti menyalahi undang-undang atau tidak sah"**

- (a) Tanpa menjaskan apa-apa hak lain Lembaga SAMB, jika [syarikat/firma], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah undang-undang bagi rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau menyalahi undang-undang berhubung dengan [perjanjian/kontrak] ini atau mana-mana perjanjian yang [syarikat/firma] itu mungkin ada dengan SAMB, yang SAMB berhak untuk menamatkan [perjanjian/kontrak] ini pada bila-bila, dengan memberi notis bertulis serta merta bagi maksud itu kepada [syarikat/firma].
- (b) Jika penamatan berlaku, SAMB berhak untuk mendapat balik semua kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang dilakukan oleh SAMB yang timbul daripada penamatan tersebut.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa [syarikat/firma] tidak layak menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, kerosakan, tuntutan atau apa juia selepas penamatan [perjanjian/kontrak] ini.

**SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**  
**NO. RUJUKAN SEBUTHARGA : QN / 54 / 2025**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI LOJI RAWATAN AIR CHIN CHIN DAN  
KOLAM AIR BUKIT BAHUDDIN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**RINGKASAN SEBUTHARGA**

NO	KETERANGAN	BAHAGIAN	MUKA SURAT	JUMLAH (RM)
1	MEMATUHI SYARAT-SYARAT UMUM	A	1	
2	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN	B	2	
<b>JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA (Harga Termasuk SST)</b>				RM

.....  
(Tandatangan Pemborong)

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Nama :

No I/C :

No I/C :

Tarikh :

Tarikh :

Materi atau cop Pemborong :

**SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**  
**NO. RUJUKAN SEBUTHARGA : QN / 54 / 2025**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI LOJI RAWATAN AIR CHIN CHIN DAN KOLAM  
AIR BUKIT BAHUDDIN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**BAHAGIAN A - MEMATUHI SYARAT-SYARAT UMUM**

ITEM	KETERANGAN	UNIT	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
A1	Menyediakan Bond Jaminan Perlaksanaan Kerja	Pukal			
A2	Menyediakan Insurans Pampasan Pekerja	Pukal			
A3	Menyediakan Surat Pelepasan Tanggungan (Letter of Indemnity)	Pukal			
<p><b><u>NOTA:</u></b> Pemakaian dan perlaksanaan keperluan bagi mematuhi <b>KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI.</b> <b>SURAT PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BIL. 1</b> <b>TAHUN 2006 DAN SYARAT- SYARAT LESEN DIBAWAH</b> <b>SEKSYEN 3 AKTA NO. 27/1</b> (Rujuk Lampiran yang disertakan)</p>					
	<b>Jumlah Keseluruhan Dibawa Ke Ringkasan Sebutharga</b>				

**SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**  
**NO. RUJUKAN SEBUTHARGA : QN / 54 / 2025**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI LOJI RAWATAN AIR CHIN CHIN DAN KOLAM AIR BUKIT BAHUDIN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**BAHAGIAN B - PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN**

ITEM	KETERANGAN	UNIT	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	<p><b>Perkhidmatan pengawal keselamatan tanpa senjata 24 jam menepati Spesifikasi Am Perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas seperti Lampiran</b></p> <p><u>Nota:</u></p> <p>a) Kadar harga juga termasuk untuk Insuran Perlindungan Pengawal (Para 15.0), Surat Pelepasan Tanggungan (Para 16.0) &amp; Pertaruhan Jaminan (Para 17.0)</p> <p>b) Bayaran nilai sebenar perkhidmatan bulanan bergantung pada jumlah penilaian yang terkumpul "Service Level Objectives" (SLO) seperti lampiran</p>				
B1	<p><b>Loji Rawatan Air Chin Chin</b></p> <p>1 pengawal waktu siang (12 Jam) (7.00pg - 7.00ptg)</p> <p>1 pengawal waktu malam (12 Jam) (7.00ptg - 7.00pg)</p>	Bulan	24	24	
B2	<p><b>Kolam Air Bukit Bahuddin</b></p> <p>1 pengawal waktu siang (12 Jam) (7.00pg - 7.00ptg)</p> <p>1 pengawal waktu malam (12 Jam) (7.00ptg - 7.00pg)</p> <p><u>Tugas Khas</u>            1x pengawal membuat rondaan di sekitar dalam kawasan setiap 2 jam dan menggunakan "watchman's clock" yang dibekalkan oleh syarikat kawalan. Laporan kunci jam hendaklah dihantar setiap kali membuat tuntutan bayaran bulanan. Penolakan RM5/clocking jika tiada penguncian jam.</p> <p><u>Syarat Tambahan</u></p> <p>a) Semua pengawal mesti menggunakan mesin perakam waktu di tempat masing-masing.</p> <p>b) Waktu bekerja bagi pengawal adalah dari hari Isnin-Ahad</p> <p>c) Pemasangan watchman clocks jenis Digital sebanyak 6 unit di Loji Rawatan Air Chin Chin dan 2 unit di Kolam Air Bukit Bahuddin.</p> <p>d) Gaji sehari akan ditolak untuk setiap pengawal jika tiada kawalan di pos kawalan semasa bertugas.</p> <p><u>Pakaian Uniform</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Baju kemeja : Warna putih (Kod warna : MS 8888)</li> <li>- Seluar panjang : Warna biru gelap (Kod warna : MS 8888021) (Rujuk : KKDN.5.205/208/2 KLT Lampiran A)</li> </ul>	Bulan	24	24	
	<b>Jumlah Keseluruhan Dibawa Ke Ringkasan Sebutharga</b>				

# **SPESIFIKASI AM PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN SWASTA BAGI LOJI RAWATAN AIR, EMPANGAN AIR, STESEN-STESEN SAMB DAN LAIN-LAIN INSTALASI SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

## **1. DEFINASI**

Kawalan Keselamatan Swasta bermaksud melaksanakan Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di tempat-tempat Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) yang ditentukan mengikut waktu-waktu yang ditetapkan dan juga bilangan pengawal yang perlukan.

## **2. TEMPAT DAN KAWASAN**

Tempat dan kawasan bertugas adalah seperti yang dinyatakan.

## **3. LOKASI, BILANGAN ANGGOTA, MASA DAN TUGAS KAWALAN**

- 3.1 Perkhidmatan yang diperlukan mengikut lokasi, bilangan anggota, masa dan tugas kawalan dan seperti keterangan sebutharga.
- 3.2 Penempatan dan jadual kawalan adalah merupakan anggaran sahaja dan pihak SAMB boleh mengubah tempat atau bilangan pengawal jika didapati perlu.
- 3.3 Senarai tugas kawalan boleh diubah atau Syarikat boleh dikehendaki oleh pihak SAMB menjalankan tugas-tugas lain masa ke semasa.
- 3.4 Pengawal Keselamatan adalah tertakluk kepada penyeliaan dan arahan daripada SAMB.
- 3.5 Masa perkhidmatan untuk setiap jam giliran anggota pengawal hendaklah tidak melebihi 12 jam sehari. Jika didapati Pengawal Keselamatan bertugas lebih daripada satu syif terus menerus atau yang telah hadir bertugas syif di tempat lokasi 'A' dalam satu hari dan hadir bertugas di lokasi 'B' bagi meneruskan kerja untuk syif ke-2 akan mengakibatkan kontrak ini dibatalkan.
- 3.6 Pihak Syarikat hendaklah menyediakan seorang Penyelia Syif atau Ketua Pengawal sebagai orang bertanggungjawab. Beliau hendaklah memastikan Pengawal Keselamatan berada di pos masing-masing setiap masa dan juga sebagai "liaison" kepada pihak SAMB.

## **4. TUGAS-TUGAS PENGAWAL KESELAMATAN**

- 4.1 Mengawal kenderaan, kakitangan dan orang awam yang keluar masuk dikawasan yang dijagai di pondok atau bilik pengawal yang disediakan.

- 4.2 Meronda dan memeriksa bangunan dan kawasan pada waktu-waktu yang ditetapkan termasuk menggunakan “watchman’s clock” jika dijadualkan dalam sebutharga
- 4.3 Memeriksa dan mengesahkan barang-barang yang masuk kawasan.
- 4.4 Mencatat butir semua orang dan kenderaan-kenderaan yang masuk kawasan di dalam Buku Daftar dan borang berkaitan. Maklumat ini hendaklah dikemukakan kepada **SAMB** pada hujung tiap-tiap minggu.
- 4.5 Menerima panggilan telefon dan memberitahu pegawai yang berkenaan semasa ketidaan kakitangan.
- 4.6 Arahan khas akan diberitahu kepada penender yang berjaya selain daripada di atas.

## 5. PEWAKILAN SYARIKAT

Bagi maksud kesempurnaan dan kelincinan perjalanan kontrak ini, Syarikat hendaklah melantik seorang wakil yang bertanggungjawab dalam apa-apa arahan yang diberi yang bersangkutan dengan kontrak ini oleh SAMB atau wakilnya hendaklah dianggap sebagai telah diberi kepada Syarikat. Pihak Syarikat hendaklah menyediakan laporan bulanan dan mengemukakan kepada SAMB pada setiap bulan berikutnya.

## 6. KEANGGOTAAN PENGAWAL

- 6.1 Pengawal keselamatan hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja.
- 6.2 Pengawal hendaklah sekurang-kurangnya berpelajaran di peringkat Sekolah Menengah Rendah (Tamat Tingkatan 3).
- 6.3 Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa melayu dengan memuaskan.
- 6.4 Mempunyai tubuh badan yang tegap, sihat dan cergas serta berfikiran waras dan tidak cacat anggota, dan bebas daripada penyakit-penyakit berjangkit, berumur antara 21 hingga 55 tahun. Bagi bekas tentera yang melebihi umur 55 tahun boleh di terimadengan syarat ada surat perakuan dari doktor yang yang bertauliah.
- 6.5 Pengawal yang bertugas tahu dan berkebolehan menggunakan jenis alat-alat pemadam api yang biasa terdapat di SAMB.
- 6.6 Pengawal yang di perlukan hendaklah mempunyai lesin motor yang sah
- 6.7 Latarbelakang pengawal beserta gambar-gambar mereka hendaklah di kemukakan kepada SAMB bagi penenda yang berjaya.

- 6.8 Pengawal tidak mempunyai catatan rekod jenayah dan penagih. Sijil pemeriksaan air kencing untuk memastikan mereka tidak menagih dadah hendaklah dikemukakan.
- 6.9 Pihak SAMB berhak mengarah anggota Pengawal Syarikat mejalani ujian air kencing pada bila-bila masa sekiranya disyaki menagih dadah dan perbelanjaan adalah tanggungan syarikat.
- 6.10 Pihak Syarikat Air Berhad adalah berhak untuk menolak mana-mana pengawal yang terlibat dalam jenayah, tidak menepati syarat-ayarat diatas dan didapati tidak dapat melaksanakan tugas mereka.
- 6.11 Pengawal hendaklah menggunakan perakam waktu Jabatan SAMB untuk merekodkan kehadiran harin.
- 6.12 Sila Rujuk Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil 1 Tahun 2006 dan Lampiran A Syarat-Syarat Lesen DiBawah Seksyen 3 Akta No. 27/71.

## **7. ETIKA KERJA**

Pengawal hendaklah bersopan santun dan mempunyai etika kerja yang baik semasa bertugas. Syarikat hendaklah memastikan tidak ada sebarang halangan atau ganguan kepada orang awam semasa melaksanakan kerja-kerja tersebut. Syarikat adalah terikat dengan peruntukan-peruntukan Akta Rahsia 1972 dan Pindaan 1986.

## **8. KELENGKAPAN DAN KEMUDAHAN**

- 8.1 Pakaian anggota dengan tanda nama mengikut saiz tanda nama kakitangan Kerajaan dan Kad Keselamatan.
- 8.2 Cotar, wisel, lampu, baju hujan dan lain-lain.
- 8.3 Kenderaan motosikal yang mempunyai cukai jalan dan insurans perlindungan yang sah tempohnya untuk rondaan kawasan yang dijadualkan dalam sebutharga.

## **9. TEMPOH KONTRAK**

Kontrak ini berkuatkuasa bagi tempoh dua (2) tahun atau jangka bulan yang ditetapkan tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian.

## **10. PEMBAYARAN**

- 10.1 Pembayaran kepada Pihak Syarikat akan dibuat secara bulanan selepas disahkan SAMB yang kerja-kerja dijalankan adalah sempurna, tertakluk kepada syarat-syarat bahawa SAMB boleh atas budi bicaranya membuat potongan ke

atas bayaran itu sekiranya didapati perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan itu tidak memuaskan atau tidak dibuat langsung.

- 10.2 Bagi mengelakkan kelewatan bayaran perkhidmatan dibuat oleh SAMB, Pihak Syarikat dikehendaki menghantar tuntutan pembayaran (invois) yang berkenaan kepada SAMB dalam tempoh lima (5) hari selepas setiap bulan. Harga yang ditawarkan termasuk segala cukai perkhidmatan "**Sales and Service Tax**" (SST) dan sebagainya dan kadar bulanan yang ditawarkan adalah harga bersih.

## 11. PENERIMAAN TAWARAN KONTRAK

SAMB adalah tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga SAMB adalah muktamad.

## 12. PENAMATAN KONTRAK

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh pihak SAMB dengan memberi **tempoh (60) hari** notis secara bertulis. Juga kontrak ini akan ditamatkan secara automatik sekiranya:

- (a) Lesen untuk menjalankan Urusan agensi Persendirian tamat, tidak diperbaharui atau dibatalkan oleh Kementerian Dalam Negeri.
- (b) Pihak Kementerian Dalam Negeri membatalkan kebenaran operasi di kawasan Negeri Melaka.

## 13. PENYERAHAN NOTIS KEPADA SYARIKAT

Apa-apa notis yang hendak diserahkan syarikat di bawah kontrak ini hendaklah diserahkan dengan cara menghantarnya melaui pos berdaftar kepada tempat perniagaan berdaftar syarikat atau lain-lain alamat sebagaimana yang dinyatakan oleh syarikat dari masa ke semasa. Penukaran Alamat oleh Syarikat hendaklah diberitahu secara bertulis, **diposkan secara pos berdaftar** kepada Ketua Eksekutif dalam tujuh (7) hari dari tarikh penukaran.

## 14. SUB-KONTRAK

Syarikat **TIDAK BOLEH** pada bila-bila masa memajakkan (Sub-kontrak) atau melepaskan kesemua atau bahagian dari kontrek ini kepada orang lain tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Pegawai Eksekutif.

## **15. INSURAN PERLINDUNGAN PENGAWAL**

Syarikat hendaklah dalam masa tujuh (7) hari daripada tarikh pemberitahuan bahawa tendernya telah diterima atau dalam mana-mana tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan sebelum dokumen-dokumen kontrak ditandatangani, akan mengambil dengan mana-mana syarikat insurans yang diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, polisi-polisi insuran yang sah dan memuaskan hati Ketua Pegawai Eksekutif melepaskan tanggungan (Indemnifying) Ketua Pegawai Eksekutif terhadap tanggungan bagi semua dan mana-mana tuntutan-tuntutan dan gantirugi, pampasan, denda atau hukuman yang kena bayar oleh Ketua Pegawai Eksekutif di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952 atau mana-mana pindan atau enakmen semula atau mana-mana status berkenaan dengan pampasan pekerja atau kemalangan (dan jika dikehendaki termasuk juga liputan tanggungan di bawah "Common Law" atau dibawah Ordinan Undang-Undang Civil Bab 42 dan tuntutan pihak ketiga) yang timbul daripada atau berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan atas kontrak ini dan disahkan dan jika dikehendaki, meninggalkan polisi dan resit bayaran premium dengan Ketua Pegawai Eksekutif untuk dipegang olehnya. Jika syarikat gagal berbuat demikian, Ketua Pegawai Eksekutif boleh menerima lain-lain tender atau memanggil tender-tender yang baru atau mengambil mana-mana syarikat lain untuk menjalankan perkhidmatan dan boleh mendapatkan daripada syarikat, semua perbelanjaan atas kerugian termasuk yang mana-mana kelebihan dalam harga kontrak yang baru atau kadar yang ditender oleh syarikat yang baru.

## **16. SURAT PELEPASAN TANGGUNGAN (LETTER OF INDEMINITY)**

Syarikat hendaklah sentiasa melepaskan tanggungan **SAMB** dan Ketua Pegawai Eksekutif semua tuntutan untuk gantirugi, pampasan atau lain-lain hukuman yang timbul daripada atau mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan di bawah kontrak ini. Pada masa ditandatangani kontrak ini Syarikat hendaklah mengambil polisi-polisi insuran yang sah dengan sebuah syarikat insuran yang sah yang diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif terhadap apa-apa tanggungan untuk tempoh kontrak ini.

## **17. PERTARUHAN JAMINAN**

- 17.1 Sebagai satu jaminan kontrak ini dijalankan dengan sempurna, syarikat hendaklah meletakan wang pertaruhan sebanyak  $2 \frac{1}{2} \%$  daripada jumlah harga kontark dengan Ketua Pegawai Eksekutif secara alternatifnya mengemukakan jaminan Bank sebanyak jumlah yang sama. Wang pertaruhan atau jaminan ini akan dikembalikan kepada syarikat, enam (6) bulan tamat tempoh perkhidmatan-perkhidmatan yang memuaskan di bawah kontrak ini dijalankan. Tiada sebarang faedah akan dibayar oleh Ketua Pegawai Eksekutif ke atas wang pertaruhan tersebut. Surat Perakuan (Statutory Declaration) hendaklah dikemukakan.
- 17.2 Sekiranya Syarikat (Kecuali dilepaskan oleh mana-mana peruntukan perjanjian ini atau oleh keputusan Badan Pengadilan yang mempunyai bidang kuasa) dalam mana-mana keadaan gagal untuk melaksanakan kontrak ini atau tidak menjalankan mana-mana tanggungjawab seperti yang disebutkan di dalam perjanjian ini, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah berhak merampas wang jaminan sebahagian atau sepenuhnya.

## **18. SYARAT-SYARAT AM PENYERAHAN TAWARAN**

Syarikat Kawalan Keselamatan yang mengemukakan tawaran mereka hendaklah menyertakan perkara-perkara berikut:

- 18.1 Lesen dari Kementerian Dalam Negeri yang membenarkan mereka manjalankan urusan agensi persendirian.
- 18.2 Sijil Perakuan Perbadanan Syarikat Persendirian.
- 18.3 Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
- 18.4 'Memorandum of Association' Syarikat
- 18.5 Penyata Bank mengenai kedudukan kewangan syarikat bagi tempoh tiga (3) bulan yang lepas.
- 18.6 Penanda hendaklah mengisikan kadar bayaran perkhidmatan dan jumlahnya di borang tender selepas berpuas hati dan mengetahui tempat-tempat yang disebutkan dalam tender ini.

## **19. MAKLUMAT PERKHIDMATAN**

Maklumat-maklumat berkaitan dengan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan ini boleh didapatkan semasa waktu pejabat.

Pn Ir Mazurah Binti Mat Diah  
Pemangku Pengurus Kanan Perolehan & Kontrak

Tel : 06 - 292 1747

## **20. SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN YANG BERJAYA DALAM TAWARAN HENDAKLAH:**

- 1) Menandatangani Surat Setujuterima 'Letter of Acceptance'
- 2) Menyertakan salinan Sijil-sijil Insuran :
  - a) Public Liability Policy
  - b) Workmen' Compensation policy / S.O.C.S.O
  - c) Fidelity Guarantee Policy
- 3) Menyertakan Bon Perlaksanaan / Gerenti Bank / "Performance Bank"
- 4) Menyertakan senarai nama dan alamat kakitangan berserta gambar-gambar mereka.
- 5) Menandatangani kontrak yang disediakan.

## **SYARAT-SYARAT KHAS PENGAWAL KESELAMATAN**

